

09 AUG 2001

Gerakan-Merit

K'JAAN DIMINTA TIMBANG SISTEM MERIT BERASASKAN KEPERLUAN

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Gerakan hari ini meminta kerajaan supaya turut menimbang melaksanakan sistem merit berasaskan keperluan dan keadaan bagi pengambilan pelajar di universiti-universiti awam.

"Kekurangan yang dihadapi pelajar akibat faktor sosio ekonomi, kekurangan kemudahan kepada kemudahan pembelajaran dan kecacatan fizikal, patut diberi pertimbangan khusus, tanpa mengira asal keturunan," kata naib presiden Datuk Dr S. Vijayarajam.

Sebagai contoh, katanya dalam satu kenyataan di sini, pelajar cemerlang dari kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak mesti dinilai dalam keadaan berbeza berdasarkan lokasi kediaman mereka yang terpencil dan pendapatan keluarga yang secara amnya rendah.

Katanya melalui idea untuk melaksanakan prinsip meritokrasi secara berperingkat dalam sistem pendidikan, sudah pasti akan wujud kemajuan dalam standard lulusan daripada semua kaum.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pengambilan pelajar ke universiti awam yang berasaskan kepada sistem merit yang diubahsuai, akan dimulakan tahun depan.

Sementara itu, barisan pembangkang Barisan Alternative (BA), berkata semua pelajar yang mendapat keputusan cemerlang patut diterima masuk ke institusi pendidikan tinggi tanpa mengira asal keturunan mereka.

Pengerusi Biro Pendidikan BA Dr Syed Husin Ali dalam satu kenyataan berkata merit mesti diambil kira bersama kriteria lain seperti ekonomi, sosial serta latar belakang pendidikan pelajar.

Dr Syed yang juga presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM) berkata jika merit hanya merupakan kriteria yang digunakan untuk pengambilan pelajar ke universiti, maka ramai pelajar dari keluarga miskin di kawasan mundur, tidak berpeluang meneruskan pengajian mereka.

Presiden Parti Keadilan Nasional Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pula berkata jaminan tempat di universiti perlu disediakan untuk pelajar cemerlang dan juga pelajar Bumiputera yang mencapai keputusan yang baik serta sistem kuota bagi pelajar dari keluarga miskin dan mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

-- BERNAMA

DC KHY LAT